From: UUM CORPORATE COMM.
Sent on: Monday, 13 February, 2023 9:32:13 AM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: PERTANIAN PINTAR MENGGUNAKAN TEKNOLOGI INTERNET KEBENDAAN IoT DIPERKENALKAN

UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

13 FEBRUARI 2023 / 22 REJAB 1444H
==========

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Muhd Danial Irfani Badrul Hisham

PERTANIAN PINTAR MENGGUNAKAN TEKNOLOGI INTERNET KEBENDAAN IoT DIPERKENALKAN



UUM ONLINE: Makmal MCMC-UUM MakerSpace, Pusat Pengajian Pengkomputeran, Universiti Utara Malaysia (UUM) terlibat dengan pembangunan aplikasi Internet kebendaan (Internet of Things -IoT) di Sekolah Kebangsaan Telaga Mas, Pokok Sena, Kedah pada 2 Februari 2023 lalu.

Felo Makmal MCMC-UUM MakerSpace, Suwannit Chareen Chit Sop Chit yang ditemui berkata, projek ini bertujuan untuk memberi pendedahan dan kesedaran berkaitan teknologi IoT kepada warga SK Telaga Mas khususnya guru-guru dan pelajar tahap dua di sekolah itu.

Katanya, mereka membangunkan aplikasi penyiraman sayuran yang dikawal menggunakan telefon bimbit .

“Kini warga SK Telaga Mas tidak lagi perlu datang untuk menyiram sayuran seperti cili, bendi dan terung secara fizikal tetapi dapat mengawal penyiraman terus dari rumah sahaja melalui sambungan Internet,”ujarnya lagi.

Sistem penyiraman yang diperkenalkan ini menggunakan takungan air hujan yang di kumpul dari bangunan surau berhampiran dan air pendingin hawa sekali gus menjimatkan penggunaan air di sekolah tersebut.

Selain itu, pihak makmal MCMC-UUM MakerSpace juga turut menyediakan bekas untuk menghasilkan kompos yang boleh digunakan untuk membaja sayuran yang ditanam.

Melalui sistem ini sampah organik dari sekolah dapat di kitar semula untuk kegunaan semula tanaman dan sayuran sekolah.

Kelestarian ini bukan hanya meliputi penjagaan alam sekitar, malah turut merangkumi aspek pendidikan, sains dan keusahawanan.

Sementara itu Guru Besar SK Telaga Mas, Farahida Omar ketika ditemui berkata, program yang diperkenalkan ini bukan sahaja dapat memupuk inovasi di kalangan guru dan pelajar malah mengejar mereka tentang konsep pertanian pintar.

“Bekas tanaman yang digunakan terdiri dari bahan yang di kitar semula seperti botol sabun pencuci, manakala sisa makanan dan tumbuhan dijadikan kompos”, sambungnya lagi.

Bagi pelajar tahun akhir program Sarjana Teknologi Maklumat, Sangetha Sandram yang menyertainya berkata, program ini sangat bermakna bukan sahaja untuk dirinya malah dapat membantu komuniti pelajar dinegeri Kedah supaya melibatkan diri dengan aktiviti luar selain daripada penumpuan utama dalam bidang akademik.

Program ini turut dihadiri oleh dua pensyarah bidang teknologi maklumat serta lima pelajar sarjana muda.



UUM Consider
UUM Footer

Universiti Utara Malaysia Official Website http://www.uum.edu.my

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.